

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (MAHKAMAH)

TARIKH: 19 DISEMBER 2017

MUKA SURAT: 21

## Mengaku salah beri rasuah kepada pegawai SWCorp

**Kuala Lumpur:** Seorang pengurus syarikat khidmat pengangkutan dihukum penjara sebulan dan denda RM15,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam, selepas mengaku bersalah memberi rasuah kepada pegawai Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).

Hakim Azura Alwi memerintahkan tertuduh Cheong Fook Seong, 57, menjalani hukuman penjara itu bermula dari tarikh tangkap pada 12 Disember lalu dan tambahan penjara 20 bulan, jika gagal membayar denda.

Tertuduh membayar denda berkeenaan.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Fook Seong didakwa memberi rasuah RM3,000 kepada pegawai SWCorp, Mohd Zaki Harry Susanto sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap lori yang dipandu Said Abdullah milik Ngan Chooi Huah Enterprise kerana melakukan kesalahan mengikut Seksyen 71(1) Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

### Buang sisa pepejal di lokasi tak dibenar

Dia dituduh melakukan kesalahan itu pejabat Pegawai Penguat kuasa KP48, Tingkat 4, SWCorp Wisma UOA Pantai, Jalan Pantai Jaya di sini, jam 4.30 petang, pada 12 Disember lalu.

Pendakwaan terhadapnya dilakukan mengikut Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda, jika sabit kesalahan.

Terdahulu tertuduh yang diwakili peguam Lom Chi Chou dalam rayuannya memohon dikenakan hukuman ringan.

Bagaimanapun Pegawai Pendakwa SPRM, Afiqah Ab Razak, membantah rayuan itu dan memohon tertuduh dikenakan hukuman berbentuk pengajaran dengan mengambil kira faktor kepentingan awam.

Mengikut fakta kes, pada 11 Disember lalu, beberapa pegawai SWCorp menahan lori yang membuang sisa tanah di lokasi tidak dibenarkan dan tidak berlesen sebelum lori berkenaan diarahkan untuk dibawa balik ke Pejabat SWCorp.

Keesokan harinya, tertuduh pergi ke pejabat SWCorp Wilayah Persekutuan bagi membincangkan penahanan lori milik syarikat isterinya (Ngan Chooi Huah Enterprise) dan berjumpa dengan Mohd Zaki.

Pada pertemuan itu, tertuduh meminta tolong Mohd Zaki untuk membebaskan lorinya dan tidak mengenakan tindakan mahkamah. Dia kemudian memasukkan wang sebanyak RM3,000 ke dalam poket Mohd Zaki.

**Fakta nombor**

**RM3,000** NILAI

rasuah diberi kepada pegawai SWCorp